

17/07/2002

Rakyat akui Malaysia maju di bawah pimpinan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Orang ramai mengakui banyak pembangunan dinikmati rakyat selama 21 tahun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri.

Kakitangan swasta, Hussien Ahmad, berkata beliau bangga menjadi rakyat Malaysia di bawah kepemimpinan Dr Mahathir.

Katanya, melalui kerja keras Dr Mahathir selama 21 tahun, rakyat dapat hidup aman dan sejahtera walaupun berlainan kaum dan agama.

"Berbanding negara jiran seperti Indonesia, Thailand atau Filipina, negara kita lebih maju dan stabil dari segi politik dan ekonomi.

"Pemimpin negara lain juga kagum dengan ketokohan dan kewibawaan Dr Mahathir," katanya ketika ditemui hari ini.

Bekas pelajar Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR), Kinki Song, pula berkata Dr Mahathir seorang pemimpin yang sukar dicari ganti.

"Beliau seorang pemimpin yang istimewa dan sentiasa mengambil berat kebajikan rakyat.

"Kami tidak pernah merasakan Dr Mahathir meminggirkan bangsa Cina dan India malah beliau tetap mengambil berat kebajikan rakyat tanpa mengira anda daripada bangsa atau agama mana," katanya.

Pemandu syarikat swasta, T Murugiah pula berkata dalam tempoh 21 tahun, pelbagai pembangunan sudah dicapai Malaysia berikutan kecekapan Dr Mahathir memerintah. "Jika boleh, saya mahu beliau terus menjadi Perdana Menteri, tetapi kami hormati keputusan beliau untuk meletak jawatan selepas Oktober tahun depan," katanya.

Kakitangan Radio Televisyen Malaysia (RTM), Shah Rahman berkata Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang berwawasan yang ingin membawa bangsa Melayu dan negara ke arah kecemerlangan.

Katanya, ia terbukti dengan pembinaan pelbagai projek mega di seluruh negara yang selama ini tidak pernah dibayangkan rakyat.

"Kami berbangga mempunyai seorang pemimpin yang berwibawa, berjiwa rakyat dan sentiasa mementingkan kesejahteraan rakyat. Di bawah pemerintahan beliau juga, kita dapat lihat pelbagai projek pembangunan wujud.

"Selama ini kita tidak pernah terfikir wujudnya menara berkembar Petronas (KLCC), Menara Kuala Lumpur, Putrajaya atau menaiki Star-LRT, Putra dan monorel tetapi itu semua sudah menjadi kenyataan," katanya.